


ULASAN BUKU

**Shamsuddin Suhor, 2015,
*Isu dan Undang-Undang Alam Sekitar
di Malaysia,*
398 halaman, ISBN 978-983-46-1552-9**

Pengulas: *Maizatun Mustafa*
maizatun@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang
Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia.



PENDAHULUAN

Undang-undang alam sekitar merupakan satu cabang perundangan yang agak baharu dan masih berkembang sehingga kini berbanding dengan undang-undang lain. Pada suatu ketika dahulu, undang-undang alam sekitar tidak wujud sebagai satu undang-undang yang khusus kerana skopnya yang sempit dan terhad. Namun, setelah munculnya kesedaran tentang kepentingan melindungi alam sekitar dan ekosistem, serta biosfera sebagai satu sistem yang rapuh dan terdedah kepada kemusnahan disebabkan oleh perbuatan manusia, maka bermulalah inisiatif ke arah mewujudkan kerangka undang-undang pada peringkat nasional bagi melindungi udara, air, tanah, ekosistem, dan sebagainya. Sejak itu, perlindungan alam sekitar telah menjadi satu elemen penting dalam sistem undang-undang domestik pada kebanyakan negara di dunia. Pada hari ini, undang-undang alam sekitar telah menjadi satu undang-undang yang tersendiri dengan skop yang sangat luas merangkumi pelbagai aspek, termasuk pencemaran air, udara dan laut, perlindungan hidupan liar dan tumbuhan, pengurusan sumber semula jadi, perubahan iklim dan pembangunan mapan.

Di Malaysia, oleh sebab undang-undang alam sekitar merupakan suatu disiplin undang-undang yang agak baharu, maka bahan bacaan tentang undang-undang ini masih kurang dalam pasaran, apatah lagi buku yang diterbitkan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, penerbitan buku *Isu dan Undang-undang Alam Sekitar di Malaysia* ini perlu disambut baik kerana menambahkan bahan ilmiah yang sedia ada. Buku ini mengandungi 13 bab dan disusun bersesuaian dengan kerangka undang-undang di Malaysia yang

boleh dijadikan rujukan kepada pelajar dan pengamal undang-undang, selain orang awam yang berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang undang-undang alam sekitar. Buku ini juga turut memberikan kefahaman kepada pembaca tentang peranan dan tindakan perundangan yang boleh diambil apabila berhadapan dengan isu alam sekitar.

Pengetahuan tentang sistem perundangan sangat penting, terutamanya kepada pelajar undang-undang kerana pengetahuan ini merupakan subjek teras yang menjadi asas untuk memahami kedudukan dan fungsi undang-undang yang digunakan di Malaysia. Oleh sebab pendekatan yang digunakan bagi membincangkan aspek yang berkaitan dengan sistem perundangan bersifat jelas dan ringkas, perbincangan dapat difahami dengan mudah oleh mereka yang tidak mempunyai asas undang-undang dan dapat dijadikan landasan untuk memahami kedudukan undang-undang alam sekitar di Malaysia.

Perundangan alam sekitar yang terkandung dalam Bab 2 buku ini melihat pengertian “alam sekitar” dari beberapa sudut, termasuklah dari sudut undang-undang. Terdapat perbezaan antara undang-undang alam sekitar dengan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar. Antara sumber undang-undang alam sekitar di Malaysia yang menjadi rujukan, termasuklah Perlembagaan Persekutuan, statut yang terdiri daripada akta, enakmen, ordinan, undang-undang kecil dan *common law*. Dasar negara tentang alam sekitar dan pelaksanaannya juga dibincangkan dan dikaitkan dengan undang-undang alam sekitar yang sedia ada.

Tujuan utama undang-undang alam sekitar digubal adalah untuk mengawal kegiatan manusia terhadap alam sekeliling, serta memastikan manusia bertindak bijak, berhemah, beretika dan prihatin terhadap penggunaan dan pengurusan yang melibatkan sumber alam demi kesejahteraan sejagat. Meskipun apa-apa yang dinyatakan benar tetapi matlamat penggubalan sesuatu undang-undang alam sekitar lebih meluas dan tidak terhad kepada mengawal aktiviti manusia menggunakan dan menguruskan sumber alam sahaja. Malahan, antara fungsi utama undang-undang alam sekitar, termasuklah menetapkan hukuman bagi kesalahan yang melibatkan kemusnahan alam sekitar; menetapkan sesuatu dasar atau piawaian terhadap kualiti alam sekitar; menyediakan platform bagi membolehkan orang ramai mengambil bahagian dalam perancangan dan penilaian alam sekitar; meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap alam sekitar; mewujudkan struktur pengawalseliaan dan pengurusan alam sekitar; memelihara flora dan fauna; mengekalkan keseimbangan ekologi; mengawal kemusnahan akibat bencana alam; dan memberikan perlindungan kepada alam sekitar supaya keindahannya dapat dilestarikan.

Akta Kualiti Alam Keliling 1974 merupakan undang-undang terpenting di Malaysia yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar. Antara aspek yang dibincangkan, termasuk sejarah pengubalan, susunan kandungan, pengurusan, pentadbiran dan penguatkuasaan, pindaan, serta peraturan, perintah dan kaedah. Walau bagaimanapun, buku ini hanya membincangkan perkembangan perundungan alam sekitar sehingga penghujung tahun 2012. Terdapat peruntukan undang-undang yang dibincangkan dalam buku ini sudah dimansuhkan dan digantikan dengan peruntukan baharu. Antaranya termasuklah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 1987 yang dibincangkan dalam Bab 9 dan 11 dimansuhkan pada tahun 2015 dan digantikan dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015. Terdapat banyak berbezaan antara perintah yang baharu berbanding dengan perintah yang telah dimansuhkan, termasuklah beberapa penambahbaikan seperti keperluan penyertaan awam dan keperluan terhadap kawasan sensitif alam sekitar. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 yang dibincangkan dalam Bab 6 juga telah digantikan dengan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 yang mempunyai skop yang lebih luas dan menggunakan pendekatan yang berbeza untuk mengawal pencemaran sumber pegun seperti penggunaan konsep yang disebut “Teknik Terbaik yang Ada yang Boleh Dicapai dengan Hemat”.

Buku ini juga memfokuskan pelbagai aspek pencemaran alam sekitar di Malaysia seperti pencemaran bunyi, udara, air, tanah-tanah dan buangan, serta punca terjadinya sesuatu pencemaran dan peruntukan undang-undang yang mengawal pencemaran seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan akta lain yang berkaitan. Rujukan terhadap kes yang dibawa ke mahkamah sama ada yang melibatkan sesuatu pencemaran atau akta yang berkaitan secara tidak langsung dapat digunakan untuk menilai peranan badan kehakiman yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar. Menariknya, buku ini juga menyelitkan terjemahan al-Quran untuk melihat kepentingan memelihara alam sekitar dari sudut keagamaan seperti pencemaran air. Rujukan kepada sumber keagamaan dapat memberikan perspektif yang lebih luas tentang perihal pentingnya memelihara alam sekitar.

Dua bab terakhir, iaitu Bab 12 dan 13 masing-masing menghususkan perbincangan tentang perlindungan tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar. Secara umumnya, undang-undang alam sekitar mengiktiraf kepentingan pemuliharaan sumber asli, termasuk fauna dan flora. Dalam bab 12, perlindungan tumbuh-tumbuhan difokuskan pada perlindungan hutan.

Kepupusan tumbuh-tumbuhan dikaitkan dengan aktiviti penerokaan dan pencerobohan hutan. Antara undang-undang yang berkaitan dengan pokok dan tumbuh-tumbuhan, termasuk undang-undang yang digubal dalam konvensyen antarabangsa yang disertai oleh Malaysia seperti Konvensyen Perdagangan Antarabangsa tentang Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam 1973. Takrifan bagi istilah “haiwan liar” turut dikupas dalam Bab 13 dengan merujuk Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Bab ini membincangkan secara ringkas pendekatan yang digunakan untuk memberikan perlindungan kepada hidupan liar, termasuk peruntukan yang berkaitan dengan pengendalian zoo, serta hukuman yang dikenakan terhadap sesiapa yang melanggar akta ini.